# Sebaik-baik zikir adalah 'La Ilaha Illallah', dan sebaik-baik doa adalah 'Alhamdulillah'

Daripada Jabir RA, beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: "Sebaik-baik zikir adalah 'La Ilaha Illallah', dan sebaik-baik doa adalah 'Alhamdulillah'."

[حسن] [رواه الترمذي والنسائي في الكبرى وابن ماجه]

Nabi ﷺ mengkhabarkan kepada kita bahawa sebaik-baik zikir ialah "La ilaha illallah" yang bermakna tiada yang berhak disembah melainkan Allah, dan sebaik-baik doa ialah "Alhamdulillah". Ia adalah pengakuan bahawa Pemberi nikmat ialah Allah Subhanahu, Yang berhak disifatkan dengan segala sifat yang sempurna dan indah.

https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/3567

النجاة الخيرية
ALNAJAT CHARITY
لجنة الدعوة الإلكترونية
EDC E-Da'wah Committee